



## **POLISI ANTIRASUAH**

Institut Integriti Malaysia (IIM) komited untuk mencegah dan membanteras rasuah selaras dengan nilai teras IIM iaitu Integriti, Kerja Berpasukan dan Profesional.

Sehubungan dengan itu, IIM akan :

- i. menghalang para pekerja daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
- ii. mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan segala undang-undang yang terpakai dalam setiap aktiviti perkhidmatannya;
- iii. memastikan semua pekerja dan rakan niaga mematuhi Polisi Antirasuah IIM dan segala prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah IIM ke arah penambahbaikan berterusan;
- iv. menyediakan saluran aduan bagi sebarang tindakan rasuah yang disyaki selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] di bawah kawal selia pendedahan maklumat IIM; dan
- v. menubuhkan satu badan bebas yang berfungsi untuk memastikan pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah IIM.

Setiap pekerja adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Ketidakpatuhan atau pelanggaran terhadap polisi, prosedur dan lain – lain yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah IIM ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



---

**TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI**  
Pengerusi  
Institut Integriti Malaysia (IIM)  
21 September 2020